

10 MAR 1999

MAHATHIR: SABAH AKAN MEMPUNYAI SATU JUTA MENTERI JIKA...

KOTA KINABALU, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Sabah akan mempunyai "satu juta menteri" jika semua orang yang menyertai Barisan Nasional (BN) berbuat demikian dengan niat untuk menjadi menteri.

Perdana Menteri berkata mereka hendaklah menyertai BN untuk berkhidmat kepada rakyat dan bukan kerana hendak menjadi menteri.

"Jika seseorang menyertai BN kerana hendak menjadi menteri, maka kita akan mempunyai satu juta menteri di Sabah... itu tidak mungkin," kata beliau pada majlis jamuan anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Penampang di sini malam ini.

"Kawan baik saya (Datuk) Dr Jeffrey (Kitingan dari Parti Bersatu Sabah) seperti diketahui, menyertai BN untuk seketika dan kemudian ada rombakan dalam kerajaan Sabah dan beliau tidak dilantik sebagai menteri.

"Ini mengecewakannya dan sebab itulah beliau meninggalkan BN. Saya tahu kerana apabila saya datang ke Sabah, beliau hendak berjumpa dengan saya dan apabila saya menemuinya, beliau bertanya saya mengapa beliau tidak dilantik sebagai menteri.

Saya tidak berjanji untuk melantiknya sebagai menteri," kata beliau.

-- BERNAMA

JS FAZ